

Masa Yang Diperlukan Oleh Jurukur Bahan
Untuk Menyediakan Dokumen Tender Berkuantiti.

TEO YIEN YIHK

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2008

ABSTRAK

Penyediaan dokumen tender merupakan satu perkhidmatan yang diberikan oleh Jurukur Bahan. Peringkat kerja penyediaan dokumen tender bermula dari pengukuran, pendaraban dan penjumlahan, penyemakan pendaraban dan penjumlahan, menyunting, menyediakan senarai kuantiti sehinggalah kepada proses penyusunan. Jadi masa yang diambil untuk penyediaan sebuah dokumen tender adalah amat panjang. Kebiasaannya, penyediaan dokumen tender mengambil masa antara empat hingga enam minggu tetapi sekarang semakin banyak firma Ukur Bahan telah mula berubah kaedah kerja mereka daripada kaedah manual kepada kaedah berkomputer. Maka objektif kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti masa yang digunakan oleh Jurukur Bahan untuk menyediakan dokumen tender berkuantiti secara tradisional (manual) dan berbantuan komputer bagi projek kecil dan projek besar. Borang soal selidik telah diedarkan secara rawak kepada 80 buah firma Ukur Bahan di Semenanjung Malaysia. Perisian komputer Microsoft Office Excel 2003 telah digunakan untuk menganalisis data yang telah dikumpul dan kaedah diskriptif seperti min dan min keseluruhan digunakan untuk menganalisis setiap elemen yang terdapat dalam borang soal selidik. Keputusan kajian menunjukkan bahawa masa yang diambil oleh Jurukur Bahan yang menyediakan dokumen tender secara tradisional adalah 14 minggu bagi projek kecil dan 23 minggu bagi projek besar. Manakala bagi Jurukur Bahan yang menggunakan kaedah komputer, masa yang digunakan adalah 10 minggu bagi projek kecil dan 13 minggu bagi projek besar. Pada akhir sekali, keputusan kajian dibincang dan beberapa cadangan untuk kajian lanjutan telah dicadangkan.

ABSTRACT

The preparation of tender document was a service that given by Quantity Surveyor who is knowledgeable, skilled and experienced in this field. Working level of preparing tender document are beginning from measurement, multiplication and counting, multiplication checking and counting, edit, provide material list until to process of compilation. Therefore, the time take for preparation a tender document is immensely long. Ordinarily, preparing a document tender take time between four to six weeks but now rise many Quantity Surveyor Firms have started to change method of working design than manual methods to computational methods. Then objective of this study is to identify time which is used by Quantity Surveyor to provide tender document with Bills of Quantities by traditional (manual) method and helping by computer for small project and big project. Questionnaire form has been distributed randomly to 80 Quantity Surveyor firm in Semenanjung Malaysia. Microsoft Excel's software used to analyse data which have been collected and descriptive method as mean and mean overall use to analyse each element occur in questionnaire form. Decision research showed that time taken by Quantity Surveyor which provides document tender by traditional method is 14 weeks for small project and 23 weeks for big project. While for Quantity Surveyor using the computer method, the time used are 10 weeks for small project and 13 weeks for big project. To last of all, results of the study was discussed and several proposals to follow-up study have been proposed.